

**TRANSKRIP**

**PROGRAM KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN CINTAILAH  
NEGARA KITA**

**UCAPAN OLEH:  
YAB DATO' SERI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK  
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**05 APRIL 2010**

**DISEDIAKAN OLEH:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERDANA MENTERI**

## TRANSKRIP

---

Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

1. Saudara saudari yang saya hormati sekalian, perhimpunan bulanan pada kali ini secara kebetulan diadakan genap, ataupun hampir genap setahun pentadbiran yang ada pada masa ini. Oleh itu, izinkan saya menggariskan apa yang akan merupakan cabaran, agenda utama dan pendekatan serta kaedah yang perlu kita gunapakai untuk mencapai objektif dan tujuan yang sama-sama dihasratkan oleh kita.
2. Saya pernah sebut tentang empat tonggak utama kerajaan yang merupakan perkara induk dalam konteks utama agenda kerajaan. Malah saya telah gunakan metaphor ataupun kiasan. Ibarat sebuah rumah, di mana bumbungnya ialah Gagasan 1Malaysia, “Rakyat didahulukan dan Pencapaian diutamakan”. Tiang seri rumah ini, lain daripada rumah biasa sebab ada dua tiang seri. Satu, GTP – Government Transformation Program dan satu lagi, Economic Transformation Program (Model Ekonomi Baru) dan lantainya ialah Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11.
3. Empat pendekatan ataupun kaedah yang perlu diberi bukan sahaja perhatian tetapi dijadikan sebagai kaedah dan cara kita melaksanakan empat tonggak ini. Pertama, kita cari penyelesaian ataupun solution yang kreatif dan inovatif. Yang kedua ialah untuk kita membuat keputusan secara pantas – speed of execution di mana rakyat dan juga pasaran, mereka lebih yakin kepada kita kalau kita menentukan timeline dalam apapun yang kita nak lakukan dan kita dapat melakukannya dalam masa timeline yang kita telah tetapkan. Yang ketiga ialah untuk kita mementingkan keberhasilan ataupun outcome daripada output. Ini maksudnya amat jelas. Saya tidak perlu ulang perkara ini sebab tuan-tuan dan puan-puan tahu beza antara outcome dan output. Yang keempat ialah

Value for money yaini nilai pulangan yang dapat kita maksimumkan daripada apa juga perbelanjaan yang dilakukan oleh kerajaan. Kalau boleh kita capai sesuatu tujuan itu dengan perbelanjaan yang lebih kecil, maka kita telah dapat mencapai value for money yang perlu dilihat dari segi life cycle cost.

4. Ini semua saya rangkumkan 4 + 4 dan pagi ini saya hendak sebut empat lagi cabaran kita. Apa cabaran kita? Cabaran kita ialah pertama, kita hendak melakukan tranformasi yang besar kepada ekonomi negara kita. Ini merupakan satu perjuangan, satu prakasa yang amat besar ertinya sebab kita tidak mahu Malaysia ketinggalan ataupun kita tersangkut dalam perangkap negara berpendapatan pertengahan. Jadi, Economic Transformation Program ini amat penting bagi kita untuk melakukan perjalanan ini.
5. Yang kedua ialah “Government Transformation Program” yang saya sudah terangkan selama ini enam NKRA dan sebagainya. Ini adalah amat penting kerana ini menggambarkan hasrat kerajaan untuk memenuhi harapan dan jangkauan rakyat.
6. Ada dua lagi yang saya tidak sebut sebelum ini tetapi ia merupakan implicit kepada cabaran kita yaini ialah bagaimana kita hendak menguruskan bukan sahaja sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan budaya tetapi yang semakin kritikal dalam menguruskan masyarakat yang begitu diverse ini. Kalau dulu tidak menjadi sesuatu cabaran yang besar, tetapi hari ini , ia lebih diberi perhatian oleh rakyat. Soal pertukaran agama, soal kahwin-cerai, soal mati hatta isu seperti kalimah Allah dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu cabaran yang amat besar yang perlu ditangani oleh kita. Saya sekadar sebut perkara ini tetapi ianya sentiasa dalam perhatian dan pertimbangan pihak kerajaan.

7. Yang keempat ialah bagaimana kita menguruskan sebuah masyarakat yang semakin hari semakin sophisticated dari segi jangkaan mereka dan harapan mereka. Jadi isu-isu seperti bagaimana kita hendak menguruskan keterbukaan umpamanya dan sebagainya. Isu-isu seperti ini termasuk bagaimana kita hendak menguruskan the new media dan sebagainya.
8. Inilah yang saya katakan sebagai The Growing Sophistication of the Maturity of Malaysia Society yang perlu diuruskan juga dengan baik oleh pihak kerajaan.
9. Jadi hari ini sempena setahun usia pentadbiran kerajaan pada masa ini, saya hendak sebut 4 + 4 + 4. Do you remember all this four things? Saya tidak mahu introduce lagi. 4 + 4 + 4, inilah dia – that’s all yang saya hendak katakan bahawa inilah matlamat kita, landasan kita dan we are now in the execution mode, implementation mode.
10. Jadi tahun mendatang ini ialah tahun execution, implementation and delivery. Apabila saya sebutkan ini, bermakna kita semualah, tanggungjawab bersama dalam hal ini. Walaupun pihak lain buat apapun, tetapi apabila sudah jadikan sebahagian daripada 4 + 4 + 4, ini tanggungjawab kita bersama. Jadi marilah kita berdoa semoga tahun akan datang ini Allah S.W.T memberi rahmat-Nya kepada kita semua ibarat *“Sinar Matahari yang bercahaya penuh pada pagi ini, mudah-mudahan kita akan mendapat cahaya rahmat daripada Allah S.W.T.”*

Terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.